



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

BANCI EKONOMI
ECONOMIC CENSUS
2023

STATISTIK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
RESEARCH AND DEVELOPMENT STATISTICS

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama (1) di peringkat global di dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by* :

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics, Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook/ X / Instagram/ Youtube	:	StatsMalaysia
E-mel / <i>Email</i>	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / <i>general enquiries</i>) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / <i>data request & enquiries</i>)
Harga / <i>Price</i>	:	RM40.00

Diterbitkan pada September 2025 / *Published in September 2025*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics, Malaysia”

ISBN 978-967-253-957-5

KATA PENGANTAR

Penerbitan Banci Ekonomi 2023 Statistik Penyelidikan & Pembangunan (R&D) memaparkan statistik yang diperoleh daripada Banci Ekonomi 2023 bagi tahun rujukan 2022. Banci ini meliputi semua pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam aktiviti ekonomi bagi sektor Pertanian, Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Pertubuhan dikelaskan mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 yang selari dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4, 2008*. Banci terdahulu telah dijalankan pada tahun 2016 bagi tahun rujukan 2015.

Penerbitan ini menyediakan statistik utama berkaitan bilangan pertubuhan, perbelanjaan R&D, output kasar, input perantara, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah dan harta tetap di peringkat sektor, nasional dan negeri. Statistik tersebut boleh digunakan oleh agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta serta individu bagi membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran dan membantu merancang pembangunan perniagaan.

Penerbitan ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama memaparkan sorotan utama bagi statistik aktiviti R&D di Malaysia diikuti bahagian kedua mengandungi ringkasan penemuan. Sementara itu, bahagian ketiga mengandungi jadual statistik terperinci, manakala bahagian keempat merangkumi aspek teknikal termasuk skop dan liputan, konsep dan definisi serta penjelasan berkaitan pembolehubah utama.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama semua pihak yang telah membekalkan data yang diperlukan dan menyumbang kepada kejayaan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan laporan ini pada masa akan datang amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

September 2025

PREFACE

The Economic Census 2023 Research & Development (R&D) Statistics publication presents data obtained from the Economic Census 2023 for reference year 2022. The census covered all registered establishments engaged in economic activities in the Agriculture, Mining & quarrying, Manufacturing, Construction and Services sectors. The establishments are classified according to the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Version 1.0, which is aligned with the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4, 2008. The previous census was conducted in 2016, based on the reference year 2015.

This publication provides key statistics pertaining to the number of establishments, R&D expenditure, gross output, intermediate input, value added, number of persons engaged, salaries & wages and fixed assets at the sectoral, national and state levels. These statistics can be used by government agencies, economists, academicians, private sectors and individuals for planning and policy formulations, economic analysis, projections and assisting in business development planning.

The publication is divided into four parts. The first part displays the main highlights of R&D statistics in Malaysia, followed by the second part, which contains a summary of the findings. Meanwhile, the third part provides detailed statistical tables, while the fourth part covers technical aspects, including scope and coverage, concepts and definitions and explanations of key variables.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) gratefully acknowledges the cooperation of all parties who have provided the required data and contributed to the success of this publication. Every feedback and suggestion towards improving future reports is highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia

September 2025

KANDUNGAN / CONTENTS

Muka Surat

Page
iii

Kata Pengantar

Preface

Kandungan

Contents

v

Bahagian 1 Soroton Utama

1

Part 1 Main Highlights

Bahagian 2 Ringkasan Penemuan

5

Part 2 Summary of Findings

Bahagian 3 Jadual Statistik

29

Part 3 Statistical Tables

Jadual Senarai Jadual

Table List of Tables

1	Statistik utama aktiviti R&D mengikut sektor, 2022	31
	<i>Principal statistics of R&D activities by sector, 2022</i>	
2	Statistik utama aktiviti R&D mengikut subsektor, 2022	32
	<i>Principal statistics of R&D activities by sub-sector, 2022</i>	
3	Statistik utama aktiviti R&D mengikut negeri, 2022	36
	<i>Principal statistics of R&D activities by state, 2022</i>	
4	Perbelanjaan R&D mengikut kategori dan sektor, 2022	37
	<i>R&D expenditure by category and sector, 2022</i>	
5	Perbelanjaan R&D mengikut kategori dan negeri, 2022	38
	<i>R&D expenditure by category and state, 2022</i>	
6	Bilangan pekerja bergaji sepenuh masa dan gaji & upah mengikut tahap kemahiran dan sektor, 2022	39
	<i>Number of full-time paid employees and salaries & wages by skill level and sector, 2022</i>	
7	Statistik utama aktiviti R&D mengikut taraf sah, 2022	40
	<i>Principal statistics of R&D activities by legal status, 2022</i>	
8	Statistik utama aktiviti R&D mengikut hak milik, 2022	41
	<i>Principal statistics of R&D activities by ownership, 2022</i>	
9	Statistik utama aktiviti R&D dalam pertubuhan milikan wanita mengikut sektor, 2022	42
	<i>Principal statistics of R&D activities in women-owned establishments by sector, 2022</i>	

Bahagian 4 Nota Teknikal

43

Part 4 Technical Notes

Lampiran

81

Appendix

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

BAHAGIAN
PART

1

SOROTAN UTAMA *MAIN HIGHLIGHTS*



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

BANCI EKONOMI 2023

STATISTIK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN


STATISTIK UTAMA



PERBELANJAAN R&D MENGIKUT SEKTOR



PENYUMBANG TERTINGGI PERBELANJAAN R&D MENGIKUT NEGERI



Nota: R&D: Penyelidikan & Pembangunan

Sumber: Banci Ekonomi 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



ECONOMIC CENSUS 2023

RESEARCH AND DEVELOPMENT STATISTICS

KEY STATISTICS



NUMBER OF ESTABLISHMENTS
3,007 establishments



VALUE ADDED
RM450,376.3 million



R&D EXPENDITURE
RM12,813.0 million



NUMBER OF PERSONS ENGAGED
1,125,838 persons



GROSS OUTPUT
RM1,549.8 billion



SALARIES & WAGES
RM65,709.4 million



INTERMEDIATE INPUT
RM1,099.3 billion



FIXED ASSET
RM663,401.6 million

R&D EXPENDITURE BY SECTOR



Agriculture

RM9.9 million
● (0.1%)



Mining & quarrying

RM453.0 million
● (3.5%)



Manufacturing

RM9,498.9 million
● (74.1%)



Construction

RM9.5 million
● (0.1%)



Services

RM2,841.6 million
● (22.2%)

TOP CONTRIBUTORS IN R&D EXPENDITURE BY STATE



Selangor

20.2%

RM2,589.0 million



W.P. Kuala Lumpur

16.9%

RM2,171.2 million



Pulau Pinang

14.3%

RM1,832.1 million



Johor

13.9%

RM1,784.4 million



Kedah

6.0%

RM772.6 million

● Percentage share

Note: R&D: Research & Development

Source: Economics Census 2023, Department of Statistics Malaysia (DOSM)



20 Oktober 2016 - 2030

The background of the slide is a photograph of an industrial manufacturing facility. It shows a long assembly line with several orange robotic arms positioned over a white vehicle chassis. The scene is brightly lit, and the floor is a light grey. The image is partially obscured by a white diagonal shape that contains the text.

BAHAGIAN *PART*

2

RINGKASAN PENEMUAN *SUMMARY OF FINDINGS*



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

1. PENGENALAN

Pada tahun 2022, dunia menghadapi pelbagai cabaran dan ketidaktentuan dipengaruhi oleh peningkatan inflasi, konflik geopolitik, kenaikan kadar faedah dan ketidakstabilan pasaran kewangan. Meskipun majoriti negara dalam proses pemulihan ekonomi daripada impak pandemik COVID-19, kadar pemulihan ini berbeza di seluruh dunia. Negara membangun menghadapi cabaran yang lebih ketara berbanding negara maju. Pertumbuhan global lebih perlahan daripada jangkaan telah mendorong kebanyakan negara mempergiatkan inovasi dan menyusun semula dasar ekonomi negara masing-masing.

Walaupun berdepan dengan pertumbuhan global yang perlahan, ekonomi Malaysia pada tahun 2022 mencatatkan prestasi kukuh sebanyak 8.9 peratus. Prestasi ini disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, eksport memberangsangkan dan dasar kerajaan yang komprehensif. Walau bagaimanapun, Malaysia tetap berdepan dengan pelbagai cabaran seperti inflasi, gangguan rantai bekalan dan ketidakstabilan pasaran yang memerlukan perancangan dasar strategik.


Berdasarkan Laporan Ringkasan Tinjauan Kajian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Kebangsaan di Malaysia 2021, pandemik COVID-19 memberi kesan yang ketara terhadap perbelanjaan R&D di Malaysia. Keutamaan negara telah beralih kepada menangani kesan pandemik menyebabkan peruntukan aktiviti R&D dikurangkan bagi menampung keperluan lain yang lebih mendesak seperti sektor kesihatan awam. Perbelanjaan Kasar R&D (GERD) telah menurun 10.5 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya yang dipengaruhi oleh beberapa faktor, termasuk perubahan dasar kerajaan, keadaan ekonomi yang tidak menentu, penyesuaian strategi R&D, dan kesan daripada pandemik COVID-19 (MASTIC, 2021).

2. PRESTASI KESELURUHAN

Penerbitan Statistik Penyelidikan & Pembangunan (R&D) membentangkan statistik berkaitan perbelanjaan R&D oleh pertubuhan di Malaysia yang diperoleh daripada Banci Ekonomi 2023 bagi tahun rujukan 2022. Banci tersebut meliputi lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan.

Berdasarkan dapatan Banci Ekonomi 2023 bagi tahun rujukan 2022, sebanyak 3,007 pertubuhan yang terlibat dengan aktiviti R&D merekodkan output kasar sebanyak RM1,549.8 bilion dan input perantaraan mencatatkan RM1,099.3 bilion dengan menghasilkan nilai ditambah berjumlah RM450,376.3 juta. Jumlah gaji & upah dibayar merekodkan sebanyak RM65,709.4 juta dengan bilangan pekerja seramai 1,125,838 orang. Sementara itu, harta tetap mencatatkan sebanyak RM663,401.6 juta.


Paparan 1: Statistik Utama Pertubuhan yang Mempunyai Perbelanjaan R&D, 2022



3. BILANGAN PERTUBUHAN

Sejumlah 3,007 pertubuhan yang terlibat dengan aktiviti R&D merentasi semua sektor pada tahun 2022. Sektor Pembuatan merupakan penyumbang tertinggi dengan komposisi 73.6 peratus (2,214 pertubuhan), diikuti oleh Perkhidmatan dengan 24.8 peratus (746 pertubuhan) dan Perlombongan & pengkuarian sebanyak 0.6 peratus (18 pertubuhan). Sementara itu, Pembinaan menyumbang 0.5 peratus (15 pertubuhan) dan Pertanian mewakili sebanyak 0.5 peratus (14 pertubuhan).


Paparan 2: Bilangan Pertubuhan bagi Aktiviti R&D mengikut Sektor, 2022



4. OUTPUT KASAR

Nilai output kasar berjumlah RM1,549.8 bilion yang didominasi oleh sektor Pembuatan dengan sumbangan sebanyak 82.8 peratus atau RM1,283.0 bilion. Ini diikuti oleh Perkhidmatan dengan RM152.3 bilion (9.8%) dan Perlombongan & pengkuarian, RM108.1 bilion (7.0%). Sementara itu, output kasar bagi Pertanian dan Pembinaan masing-masing merekodkan nilai RM4.0 bilion (0.3%) dan RM2.4 bilion (0.2%).

Paparan 3: Output Kasar bagi Aktiviti R&D mengikut Sektor, 2022




Nota: Peratus sumbangan

5. INPUT PERANTARAAN

Nilai input perantaraan adalah berjumlah RM1,099.3 bilion pada tahun 2022. Sektor Pembuatan mencatatkan nilai tertinggi iaitu RM1,016.4 bilion dengan sumbangan sebanyak 92.5 peratus daripada jumlah nilai input perantaraan. Perkhidmatan mencatatkan nilai RM65.6 bilion (6.0%), diikuti oleh Perlombongan & pengkuarian sebanyak RM13.9 bilion (1.3%). Selain itu, sektor Pembinaan merekodkan RM1.8 bilion (0.2%), manakala Pertanian menyumbang RM1.5 bilion (0.1%).

Paparan 4: Input Perantaraan bagi Aktiviti R&D mengikut Sektor, 2022




Nota: Peratus sumbangan

6. NILAI DITAMBAH

Nilai ditambah yang dijana pada tahun 2022 berjumlah RM450,376.3 juta. Sektor Pembuatan merupakan penyumbang utama iaitu 59.2 peratus atau RM266,526.1 juta. Ini diikuti oleh sektor Perlombongan & pengkuarian yang merekodkan sebanyak RM94,136.4 juta (20.9%), dengan Perkhidmatan menyumbang RM86,602.2 juta (19.2%) serta Pertanian mencatatkan RM2,540.8 juta (0.6%).

Paparan 5: Nilai Ditambah bagi Aktiviti R&D mengikut Sektor, 2022



Nota: Peratus sumbangan

RINGKASAN PENEMUAN


7. BILANGAN PEKERJA DAN GAJI & UPAH

7.1 Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah mengikut Sektor

Seramai 1,125,838 orang telah diambil bekerja oleh pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti R&D pada tahun 2022. Sektor Pembuatan merekodkan bilangan pekerja tertinggi iaitu 935,940 orang (83.1%), diikuti oleh Perkhidmatan iaitu 163,317 orang (14.5%) dan Perlombongan & pengkuarian seramai 13,073 orang (1.2%). Di samping itu, Pembinaan mencatatkan 6,789 orang (0.6%) dan Pertanian, 6,719 orang (0.6%).

Sementara itu, jumlah gaji & upah yang dibayar pada tahun 2022 merekodkan nilai sebanyak RM65,709.4 juta. Sektor Pembuatan mencatatkan jumlah gaji & upah dibayar tertinggi sebanyak RM48,462.2 juta (73.8%), diikuti oleh Perkhidmatan sebanyak RM12,864.9 juta (19.6%) dan Perlombongan & pengkuarian, RM3,965.1 juta (6.0%). Pada tempoh yang sama, Pembinaan dan Pertanian masing-masing merekodkan RM250.6 juta (0.4%) dan RM166.6 juta (0.2%).


Paparan 6: Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah bagi Aktiviti R&D mengikut Sektor, 2022



7.2. Bilangan Pekerja Bergaji Sepenuh Masa dan Gaji & Upah mengikut Tahap Kemahiran

Seramai 1,120,618 orang pekerja bergaji sepenuh masa direkodkan dalam aktiviti R&D pada tahun 2022. Dari segi tahap kemahiran, pekerja separuh mahir merekodkan bilangan pekerja tertinggi dengan 746,523 orang (66.6%), diikuti pekerja mahir seramai 291,812 orang (26.0%) dan pekerja berkemahiran rendah iaitu 82,283 orang (7.4%). Walau bagaimanapun, dari segi gaji & upah, pekerja mahir menerima jumlah tertinggi iaitu RM36,019.6 juta (54.9%), diikuti pekerja separuh mahir sebanyak RM27,256.8 juta (41.6%) dan pekerja berkemahiran rendah RM2,326.1 juta (3.5%).

Paparan 7: Bilangan Pekerja Bergaji Sepenuh Masa dan Gaji & Upah bagi Aktiviti R&D mengikut Tahap Kemahiran, 2022




Nota: Peratus sumbangan

8. HARTA TETAP

Nilai harta tetap yang dimiliki oleh pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti R&D pada tahun 2022 berjumlah RM663,401.6 juta. Sektor Perkhidmatan merekodkan nilai harta tetap tertinggi dengan RM248,582.7 juta (37.5%), diikuti oleh Pembuatan sebanyak RM210,642.2 juta (31.7%) dan Perlombongan & pengkuarian RM200,806.9 juta (30.3%).

Paparan 8: Harta Tetap bagi Aktiviti R&D mengikut Sektor, 2022




Nota: Peratus sumbangan

9. PERBELANJAAN R&D MENGIKUT SEKTOR

Jumlah perbelanjaan R&D merekodkan sebanyak RM12,813.0 juta pada tahun 2022, dengan sektor Pembuatan merupakan penyumbang utama iaitu sebanyak RM9,498.9 juta atau 74.1 peratus daripada jumlah keseluruhan. Ini diikuti oleh Perkhidmatan mencatatkan nilai RM2,841.6 juta (22.2%) dan Perlombongan & pengkuarian sebanyak RM453.0 juta (3.5%). Sementara itu, sektor Pertanian dan sektor Pembinaan masing-masing merekodkan perbelanjaan R&D sebanyak RM9.9 juta (0.1%) dan RM9.6 juta (0.1%).

Paparan 9: Perbelanjaan R&D mengikut Sektor, 2022




RINGKASAN PENEMUAN

10. PERBELANJAAN R&D MENGIKUT NEGERI

Dari segi prestasi mengikut negeri, Selangor mencatatkan perbelanjaan R&D tertinggi pada tahun 2022 dengan jumlah RM2,589.0 juta (20.2%). Ini diikuti W.P. Kuala Lumpur sebanyak RM2,171.2 juta (16.9%) dan Pulau Pinang, RM1,832.1 juta (14.3%). Seterusnya, Johor dan Kedah masing-masing merekodkan perbelanjaan R&D sebanyak RM1,784.4 juta (13.9%) dan RM772.6 juta (6.0%). Secara keseluruhan, lima negeri tersebut telah menyumbang RM9,149.3 juta atau 71.4 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan R&D.

Paparan 10: Perbelanjaan R&D mengikut Negeri, 2022



1. INTRODUCTION

In 2022, the world faced various challenges and uncertainties due to rising inflation, geopolitical conflicts, higher interest rates, and financial market instability. While most countries were recovering from the effects of the COVID-19 pandemic, the pace of recovery varied globally. Developing nations encountered more severe challenges than developed ones. Slower-than-expected global growth led many countries to increase innovation efforts and realign their economic policies.

Despite facing slower global growth, Malaysia's economy recorded a strong performance in 2022, with a growth rate of 8.9 per cent. This performance was supported by robust domestic demand, encouraging exports and comprehensive government policies. However, Malaysia continued to face various challenges such as higher inflation, supply chain disruptions and market instability, which required strategic policy planning.

According to the 2021 National Research and Development (R&D) Survey Summary Report in Malaysia, the COVID-19 pandemic had a significant impact on R&D spending in the country. The national priority shifted towards addressing the effects of the pandemic, resulting in reduced R&D activities allocations to meet other more pressing needs, such as in the public health sector. Gross Expenditure on R&D (GERD) declined by 10.5 per cent in 2020 as compared to the previous year attributed to a confluence of factors, including shifts in government policy, fluctuations in the economic climate, adjustments to R&D strategies and the disruptive impact of the COVID-19 pandemic (MASTIC, 2021).


SUMMARY OF FINDINGS

2. OVERALL PERFORMANCE

The Research & Development (R&D) Statistics publication presents statistics on R&D expenditure by establishments in Malaysia, obtained from the Economic Census 2023 for reference year 2022. The census covers five main sectors, namely Agriculture, Mining & quarrying, Manufacturing, Construction and Services.

Based on the findings of the Economic Census 2023 for reference year 2022, a total of 3,007 establishments involved in R&D activities recorded a gross output of RM1,549.8 billion and intermediate inputs registered RM1,099.3 billion and contributed value added of RM450,376.3 million. The salaries & wages paid recorded RM65,709.4 million with a total number of persons engaged of 1,125,838 persons. Meanwhile, fixed assets registered RM663,401.6 million.

Exhibit 1: Principal Statistics of Establishment with R&D Expenditure, 2022




SUMMARY OF FINDINGS

3. NUMBER OF ESTABLISHMENTS

A total of 3,007 establishments were involved in R&D activities across all sectors in 2022. The Manufacturing sector was the highest contributor with a composition of 73.6 per cent (2,214 establishments), followed by Services with 24.8 per cent (746 establishments) and the Mining & quarrying with 0.6 per cent (18 establishments). Meanwhile, the Construction contributed 0.5 per cent (15 establishments) and Agriculture accounted for 0.5 per cent (14 establishments).

Exhibit 2: Number of Establishments in R&D Activities by Sector, 2022




SUMMARY OF FINDINGS

4. GROSS OUTPUT

The value of gross output amounted to RM1,549.8 billion, dominated by the Manufacturing sector, which accounted for 82.8 per cent or RM1,283.0 billion. This was followed by the Services, RM152.3 billion (9.8%) and the Mining & quarrying with RM108.1 billion (7.0%). Meanwhile, the gross output of the Agriculture and Construction recorded a value of RM4.0 billion (0.3%) and RM2.4 billion (0.2%) respectively.

Exhibit 3: Gross Output in R&D Activities by Sector, 2022




Note: Percentage share

SUMMARY OF FINDINGS

5. INTERMEDIATE INPUT

The value of intermediate input amounted to RM1,099.3 billion in 2022. The Manufacturing sector recorded the highest value of RM1,016.4 billion with a contribution of 92.5 per cent to the total value of intermediate inputs. Services recorded a value of RM65.6 billion (6.0%), followed by the Mining & quarrying with RM13.9 billion (1.3%). In addition, the Construction sector registered RM1.8 billion (0.2%) while Agriculture contributing RM1.5 billion (0.1%).

Exhibit 4: Intermediate Input in R&D Activities by Sector, 2022




Note: Percentage share

SUMMARY OF FINDINGS

6. VALUE ADDED

The value added generated in 2022 amounted to RM450,376.3 million. The Manufacturing sector was the main contributor, accounting for 59.2 per cent or RM266,526.1 million. This was followed by the Mining & quarrying sector which recorded RM94,136.4 million (20.9%), with the Services contributing RM86,602.2 million (19.2%) and Agriculture registering RM2,504.8 million (0.6%).

Exhibit 5: Value Added in R&D Activities by Sector, 2022



Note: Percentage share

SUMMARY OF FINDINGS


7. NUMBER OF PERSONS ENGAGED AND SALARIES & WAGES

7.1 Number of Persons Engaged and Salaries & Wages by Sector

A total of 1,125,838 persons were employed by establishments involved in R&D activities in 2022. The Manufacturing sector recorded the highest number of workers with 935,940 persons (83.1%), followed by Services with 163,137 persons (14.5%) and Mining & quarrying with 13,073 persons (1.2%). In addition, Construction registered 6,789 persons (0.6%) and Agriculture, 6,719 persons (0.6%).

Meanwhile, the total salaries & wages paid in 2022 recorded a value of RM65,709.4 million. The Manufacturing sector recorded the highest total salaries and wages paid, amounting to RM48,462.2 million (73.8%), followed by the Services with RM12,864.9 million (19.6%), and the Mining & quarrying at RM3,965.1 million (6.0%). In the meantime, Construction and Agriculture recorded RM250.6 million (0.4%) and RM166.6 million (0.2%) respectively.

Exhibit 6: Number of Persons Engaged and Salaries & Wages in R&D Activities by Sector, 2022




Note: Percentage share

SUMMARY OF FINDINGS

7.2 Number of Full-Time Paid Employees and Salaries & Wages by Skill Level

A total of 1,120,618 persons of full-time paid employees were recorded in R&D activities in 2022. In terms of skill level, semi-skilled workers recorded the highest number of persons engaged at 746,523 persons (66.6%), followed by skilled workers 291,812 persons (26.0%) and low-skilled workers 82,283 persons (7.4%). However, in terms of salaries & wages, skilled workers received the highest amount at RM36,019.6 million (54.9%), followed by semi-skilled workers RM27,256.8 million (41.6%) and low-skilled workers RM2,326.1 million (3.5%).

Exhibit 7: Number of Full-Time Paid Employees and Salaries & Wages in R&D Activities by Skill Level, 2022




Note: Percentage share

SUMMARY OF FINDINGS

8. FIXED ASSETS

The value of fixed assets owned by establishments involved in R&D activities in 2022 amounted to RM663,401.6 million. The Services sector recorded the highest value of fixed assets at RM248,582.7 million (37.5%), followed by the Manufacturing with RM210,642.2 million (31.7%) and the Mining & quarrying at RM200,806.9 million (30.3%).

Exhibit 8: Fixed Assets in R&D Activities by Sector, 2022




Note: Percentage share

SUMMARY OF FINDINGS

9. R&D EXPENDITURE BY SECTOR

The total R&D expenditure recorded RM12,813.0 million in 2022, with the Manufacturing sector was the dominant contributor, accounting for RM9,498.9 million or 74.1 per cent of the total. This was followed by Services, which recorded RM2,841.6 million (22.2%) and Mining & quarrying with RM453.0 million (3.5%). Meanwhile, Agriculture and Construction sectors registered R&D expenditures of RM9.9 million (0.1%) and RM9.6 million (0.1%) respectively.

Exhibit 9: R&D Expenditure by Sector, 2022




SUMMARY OF FINDINGS

10. R&D EXPENDITURE BY STATE

In terms of state-level performance, Selangor recorded the highest R&D expenditure in 2022, amounting to RM2,589.0 million (20.2%). This was followed by W.P. Kuala Lumpur with RM2,171.2 million (16.9%) and Pulau Pinang, RM1,832.1 million (14.3%). Subsequently, Johor and Kedah recorded R&D expenditures of RM1,784.4 million (13.9%) and RM772.6 million (6.0%) respectively. Overall, these five states contributed RM9,149.3 million or 71.4 per cent of the total R&D expenditure.

Exhibit 10: R&D Expenditure by State, 2022



BAHAGIAN
PART

3

JADUAL STATISTIK
STATISTICAL TABLES



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

Jadual 1 : Statistik utama aktiviti R&D mengikut sektor, 2022
Table 1 : Principal statistics of R&D activities by sector, 2022

Sektor Sector	Bilangan pertubuhan Number of establishments	Perbelanjaan R&D R&D expenditure	Nilai output kasar Value of gross output	Nilai input perantara Value of intermediate input	Nilai ditambah Value added	Bilangan pekerja Number of persons engaged	Gaji & upah Salaries & wages	Nilai harta tetap Value of fixed assets
		(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)		(RM'000)	(RM'000)
Jumlah Total	3,007	12,813,025	1,549,764,169	1,099,330,192	450,376,337	1,125,838	65,709,400	663,401,613
Pertanian Agriculture	14	9,910	4,017,196	1,476,355	2,540,841	6,719	166,609	2,842,876
Perombongan & pengkuarian Mining & quarrying	18	453,039	108,080,311	13,943,937	94,136,374	13,073	3,965,132	200,806,943
Pembuatan Manufacturing	2,214	9,498,908	1,282,974,038	1,016,447,920	266,526,118	935,940	48,462,171	210,642,233
Pembinaan Construction	15	9,548	2,401,004	1,830,184	570,820	6,789	250,584	526,905
Perkhidmatan Services	746	2,841,621	152,291,620	65,631,796	86,602,184	163,317	12,864,905	248,582,657

Jadual 2 : Statistik utama aktiviti R&D mengikut subsektor, 2022
Table 2 : Principal statistics of R&D activities by sub-sector, 2022

Sektor Sector	Bilangan pertubuhan Number of establishments	Perbelanjaan R&D R&D expenditure	Nilai output kasar Value of gross output	Nilai input perantara Value of intermediate input	Nilai ditambah Value added	Bilangan pekerja Number of persons engaged	Gaji & upah Salaries & wages	Nilai harta tetap Value of fixed assets
		(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)		(RM'000)	(RM'000)
Jumlah Total	3,007	12,813,025	1,549,764,169	1,099,330,192	450,376,337	1,125,838	65,709,400	663,401,613
Pertanian Agriculture	14	9,910	4,017,196	1,476,355	2,540,841	6,719	166,609	2,842,876
Tanaman Crops	11	8,984	3,017,228	744,177	2,273,051	6,391	154,378	2,591,095
Ternakan Livestock	3	926	999,968	732,179	267,790	328	12,230	251,781
Perhutanan dan pembalakan Forestry and logging								
Perlombongan & pengkuarian Mining & quarrying	18	453,039	108,080,311	13,943,937	94,136,374	13,073	3,965,132	200,806,943
Perlombongan mineral dan pengkuarian Mineral mining and quarrying	10	34,221	1,331,918	731,560	600,358	2,089	84,789	425,548
Petroleum dan gas asli Petroleum and natural gas	8	418,818	106,748,393	13,212,377	93,536,016	10,984	3,880,342	200,381,395

Jadual 2 : Statistik utama aktiviti R&D mengikut subsektor, 2022 (samb.)
Table 2 : Principal statistics of R&D activities by sub-sector, 2022 (cont.)

Sektor Sector	Bilangan pertubuhan Number of establishments	Perbelanjaan R&D R&D expenditure	Nilai output kasar Value of gross output	Nilai input perantara Value of intermediate input	Nilai ditambah Value added	Bilangan pekerja Number of persons engaged	Gaji & upah Salaries & wages	Nilai harta tetap Value of fixed assets
		(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)		(RM'000)	(RM'000)
Pembuatan Manufacturing	2,214	9,498,908	1,282,974,038	1,016,447,920	266,526,118	935,940	48,462,171	210,642,233
Produk makanan Food products	373	1,262,596	172,622,727	147,758,393	24,864,334	90,496	4,004,671	19,874,678
Minuman dan produk tembakau Beverage and tobacco products	33	35,900	12,383,781	9,035,814	3,347,967	7,351	423,596	2,511,230
Produk tekstil, pakaian, kulit dan kasut Textiles, wearing apparel, leather and footwear products	29	94,591	10,059,311	7,362,192	2,697,119	19,231	575,577	2,733,371
Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan Wood products, furniture, paper products and printing	232	145,866	25,218,702	19,421,919	5,796,782	55,304	1,978,681	7,001,274
Produk petroleum, kimia, getah dan plastik Petroleum, chemical, rubber and plastic products	580	2,830,886	441,265,063	338,415,599	102,849,465	189,426	9,951,704	74,929,747
Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka Non-metallic mineral products, basic metal and fabricated metal products	372	627,940	90,013,665	71,677,880	18,335,785	84,605	4,041,005	23,552,256
Produk elektrik, elektronik dan optikal Electrical, electronic and optical products	441	4,064,384	453,629,279	362,381,640	91,247,639	404,271	23,602,523	64,670,204
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan Transport equipment, other manufacturing and repair	154	436,744	77,781,511	60,394,482	17,387,028	85,256	3,884,414	15,369,473

Jadual 2 : Statistik utama aktiviti R&D mengikut subsektor, 2022 (samb.)
Table 2 : Principal statistics of R&D activities by sub-sector, 2022 (cont.)

Sektor Sector	Bilangan pertubuhan Number of establishments	Perbelanjaan R&D R&D expenditure (RM'000)	Nilai output kasar Value of gross output (RM'000)	Nilai input perantara Value of intermediate input (RM'000)	Nilai ditambah Value added (RM'000)	Bilangan pekerja Number of persons engaged	Gaji & upah Salaries & wages (RM'000)	Nilai harta tetap Value of fixed assets (RM'000)
Pembinaan Construction	15	9,548	2,401,004	1,830,184	570,820	6,789	250,584	526,905
Bangunan kediaman Residential buildings	9	5,020	1,243,774	875,129	368,645	2,385	109,532	14,845
Bangunan bukan kediaman Non-residential buildings								
Kejuruteraan awam Civil engineering	6	4,528	1,157,229	955,054	202,175	4,404	141,051	512,060
Pertukangan khas Special trades								
Perkhidmatan Services	746	2,841,621	152,291,620	65,631,796	86,602,184	163,317	12,864,905	248,582,657
Bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan Water supply; sewerage, waste management and remediation activities	5	85,765	35,757,287	18,624,509	17,132,778	33,595	2,907,312	121,386,319
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara Electricity, gas, steam and air-conditioning supply	53	28,792	1,633,588	589,974	1,043,614	3,372	157,180	1,612,941
Perdagangan borong dan runcit Wholesale and retail trade	6	17,136	3,395,370	1,167,885	2,227,157	13,766	1,173,829	14,718,927
Pengangkutan dan penyimpanan Transportation and storage	28	1,225,163	81,637,763	34,564,711	47,015,739	36,509	4,290,595	58,473,541
Maklumat dan komunikasi Information and communication								

Jadual 2 : Statistik utama aktiviti R&D mengikut subsektor, 2022 (samb.)
Table 2 : Principal statistics of R&D activities by sub-sector, 2022 (cont.)

Sektor Sector	Bilangan pertubuhan Number of establishments	Perbelanjaan R&D R&D expenditure	Nilai output kasar Value of gross output	Nilai input perantara Value of intermediate input	Nilai ditambah Value added	Bilangan pekerja Number of persons engaged	Gaji & upah Salaries & wages	Nilai harta tetap Value of fixed assets
		(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)		(RM'000)	(RM'000)
Kewangan <i>Finance</i>	127	1,002,239	7,794,925	2,696,115	5,098,810	24,969	1,400,078	20,947,434
Hartanah <i>Real estate</i>	85	44,037	12,780,042	4,300,776	8,479,266	5,171	727,079	20,762,659
Profesional <i>Professional</i>	177	56,498	558,411	205,562	352,849	2,855	148,401	218,225
Pentadbiran dan khidmat sokongan <i>Administrative and support services</i>	24	13,105	54,460	31,366	23,093	474	11,523	17,357
Pendidikan <i>Education</i>	216	274,356	8,045,599	3,066,099	4,979,500	36,165	1,850,103	9,879,207
Kesihatan dan kerja sosial <i>Health and social work</i>	3	1,247	27,196	8,547	18,649	35	388	4,576
Kesenian, hiburan dan rekreasi <i>Arts, entertainment and recreation</i>	14	92,529	276,668	96,313	180,355	4,433	107,582	496,683
Perkhidmatan lain <i>Other services</i>	8	754	330,311	279,939	50,372	1,973	90,836	64,788

Nota/ Note :

Perkhidmatan lain termasuk perkhidmatan persendirian, penginapan dan makanan & minuman
Other services including personal services, accommodation and food & beverages

Jadual 3 : Statistik utama aktiviti R&D mengikut negeri, 2022
Table 3 : Principal statistics of R&D activities by state, 2022

Negeri State	Bilangan pertubuhan Number of establishments	Perbelanjaan R&D R&D expenditure	Nilai output kasar Value of gross output	Nilai input perantaraan Value of intermediate input	Nilai ditambah Value added	Bilangan pekerja Number of persons engaged	Gaji & upah Salaries & wages	Nilai harta tetap Value of fixed assets
		(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)		(RM'000)	(RM'000)
Jumlah Total	3,007	12,813,025	1,549,764,169	1,099,330,192	450,376,337	1,125,838	65,709,400	663,401,613
Johor	681	1,784,358	211,319,111	176,524,110	34,795,000	192,605	8,506,356	33,889,007
Kedah	104	772,630	58,702,719	48,144,146	10,558,573	58,535	2,874,107	14,386,944
Kelantan	10	13,819	2,888,777	2,387,232	501,545	6,026	204,877	1,099,437
Melaka	71	711,567	90,800,384	74,797,371	16,003,013	51,913	2,884,192	18,673,759
Negeri Sembilan	96	443,284	87,824,258	69,771,650	18,052,608	42,661	2,702,868	13,663,521
Pahang	53	550,340	40,739,416	30,951,743	9,787,673	18,264	1,019,253	7,473,982
Pulau Pinang	283	1,832,055	239,309,137	197,757,624	41,551,513	190,511	11,399,654	29,547,697
Perak	121	298,957	39,426,781	30,813,616	8,613,164	55,251	2,428,650	12,590,778
Perlis	3	15,339	2,357,865	1,867,575	490,290	3,208	90,610	367,902
Selangor	1,210	2,589,042	346,910,135	254,034,922	92,817,573	321,741	16,581,543	83,278,771
Terengganu	25	400,350	40,605,500	28,060,792	12,544,709	8,820	1,053,729	9,362,640
Sabah	67	212,975	47,275,504	23,102,296	24,173,208	9,034	626,657	22,175,090
Sarawak	103	576,695	176,874,907	103,916,018	72,958,888	54,499	3,716,494	76,272,147
W. P. Kuala Lumpur	168	2,171,210	113,938,879	49,229,707	64,709,172	103,846	8,819,157	194,494,102
W. P. Labuan	4	22,934	3,053,464	1,799,527	1,253,937	816	134,768	1,016,942
W. P. Putrajaya	4	251	317,656	134,117	183,539	181	7,858	144,112
Supra	4	417,217	47,419,679	6,037,745	41,381,934	7,927	2,658,627	144,964,782

Jadual 4 : Perbelanjaan R&D mengikut kategori dan sektor, 2022
Table 4 : R&D expenditure by category and sector, 2022

Sektor Sector	Bilangan pertubuhan Number of establishments	Jumlah Total (RM'000)	Perbelanjaan R&D Total of R&D expenditure		Sumber luaran Outsource (RM'000)
			Dalam In-house (RM'000)		
Jumlah Total	3,007	12,813,025	8,091,537		4,721,488
Pertanian Agriculture	14	9,910	2,266		7,643
Perlombongan & pengkuarian Mining & quarrying	18	453,039	313,823		139,216
Pembuatan Manufacturing	2,214	9,498,908	6,713,676		2,785,232
Pembinaan Construction	15	9,548	39		9,509
Perkhidmatan Services	746	2,841,621	1,061,733		1,779,888

Jadual 5 : Perbelanjaan R&D mengikut kategori dan negeri, 2022
Table 5 : R&D expenditure by category and state, 2022

Negeri State	Bilangan pertubuhan Number of establishments	Perbelanjaan R&D Total of R&D expenditure		Sumber luaran Outsource (RM'000)
		Jumlah Total (RM'000)	Dalam In-house (RM'000)	
Jumlah Total	3,007	12,813,025	8,091,537	4,721,488
Johor	681	1,784,358	1,356,773	427,585
Kedah	104	772,630	689,763	82,867
Kelantan	10	13,819	8,724	5,095
Melaka	71	711,567	405,302	306,265
Negeri Sembilan	96	443,284	301,646	141,639
Pahang	53	550,340	475,557	74,783
Pulau Pinang	283	1,832,055	1,395,294	436,761
Perak	121	298,957	208,487	90,470
Perlis	3	15,339	8,266	7,074
Selangor	1,210	2,589,042	1,581,252	1,007,790
Terengganu	25	400,350	212,610	187,740
Sabah	67	212,975	114,106	98,869
Sarawak	103	576,695	358,856	217,839
W. P. Kuala Lumpur	168	2,171,210	674,394	1,496,816
W. P. Labuan	4	22,934	12,169	10,765
W. P. Putrajaya	4	251	251	-
Supra	4	417,217	288,087	129,130

Jadual 6 : Bilangan pekerja bergaji sepenuh masa dan gaji & upah mengikut tahap kemahiran dan sektor, 2022
Table 6 : Number of full-time paid employees and salaries & wages by skill level and sector, 2022

Sektor Sector	Bilangan pertubuhan Number of establishments	Bilangan Pekerja Sepenuh Masa Number of full time employees		Pekerja Mahir High-Skilled workers		Pekerja Separuh Mahir Semi-Skilled workers		Pekerja Berkemahiran Rendah Low-Skilled workers	
		Bilangan Pekerja Number of persons engaged	Gaji & upah Salaries & wages (RM'000)	Bilangan Pekerja Number of persons engaged	Gaji & upah Salaries & wages (RM'000)	Bilangan Pekerja Number of persons engaged	Gaji & upah Salaries & wages (RM'000)	Bilangan Pekerja Number of persons engaged	Gaji & upah Salaries & wages (RM'000)
Jumlah <i>Total</i>	3,007	1,120,618	65,602,507	291,812	36,019,608	746,523	27,256,785	82,283	2,326,113
Pertanian <i>Agriculture</i>	14	6,718	166,609	385	20,088	4,889	119,151	1,444	27,370
Perlombongan & pengkuarian <i>Mining & quarrying</i>	18	13,071	3,965,099	10,904	3,851,613	1,981	109,030	186	4,456
Pembuatan <i>Manufacturing</i>	2,214	934,971	48,454,560	198,937	23,056,338	673,546	23,650,452	62,488	1,747,769
Pembinaan <i>Construction</i>	15	6,781	250,536	3,167	168,360	3,262	75,321	352	6,856
Perkhidmatan <i>Services</i>	746	159,077	12,765,703	78,419	8,923,209	62,845	3,302,832	17,813	539,662

Jadual 7 : Statistik utama aktiviti R&D mengikut jenis taraf sah, 2022
Table 7 : Principal statistics of R&D activities by type of legal status, 2022

Taraf sah Legal organisation	Bilangan pertubuhan Number of establishments	Perbelanjaan R&D R&D expenditure	Nilai output kasar Value of gross output	Nilai input perantara Value of intermediate input	Nilai ditambah Value added	Bilangan pekerja Number of persons engaged	Gaji & upah Salaries & wages	Nilai harta tetap Value of fixed assets
		(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)		(RM'000)	(RM'000)
Jumlah <i>Total</i>	3,007	12,813,025	1,549,764,169	1,099,330,192	450,376,337	1,125,838	65,709,400	663,401,613
Hak milik perseorangan <i>Individual proprietorship</i>	48	5,091	98,903	45,763	53,139	703	21,181	23,651
Perkongsian <i>Partnership</i>	17	7,574	50,445	25,926	24,519	345	12,068	24,771
Perkongsian liabiliti terhad <i>Limited liabilities partnership</i>								
Syarikat sendiri berhad <i>Private limited company</i>	2,817	11,086,245	1,357,389,376	994,910,086	362,421,649	1,013,313	56,139,628	442,666,820
